

18 FEB 1999

Mahathir-Sambutan

MAHATHIR DIBERI SAMBUTAN MERIAH DI LAPANGAN TERBANG SANDAKAN

SANDAKAN, 18 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali yang tiba di Lapangan Terbang Sandakan pagi ini untuk lawatan tiga hari ke Sabah diberi sambutan meriah.

Ketibaan mereka dengan pesawat khas pada pukul 10.50 pagi disambut oleh lebih 5,000 orang yang terdiri daripada penduduk sekitar Sandakan dan anggota parti komponen Barisan Nasional (BN) Sabah yang mula menunggu di lapangan terbang itu sejak pukul 8 pagi.

Turut serta dalam menyambut Dr Mahathir dan isteri ialah Ketua Menteri yang juga Presiden Parti Demokratik Sabah (PDS) Tan Sri Bernard Dompok.

Sejurus tiba di lapangan terbang itu di sini, Perdana Menteri dan rombongan diberi sambutan permaidaini merah dan laungan hidup Barisan.

Dr Mahathir dan isteri kemudiannya bersalam-salaman dengan orang ramai yang berbaris di pintu masuk balai ketibaan.

Sebahagian daripada mereka membawa kain rentang dan sepanduk sebagai tanda sokongan kepada Perdana Menteri.

Ketua Perhubungan Umno Sabah Datuk Osu Sukam, Presiden Parti Maju Sabah (SAPP) Datuk Yong Teck Lee dan Presiden Akar, Datuk Pandikar Amin Mulia juga berada di lapangan terbang itu untuk menyambut Dr Mahathir dan isteri.

Turut hadir ialah Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat, Timbalan Menteri Kesihatan Datuk Wira Ali Rustam dan Timbalan Menteri Perusahaan Utama Datuk Hishammuddin Tun Hussein.

Dr Mahathir mempunyai aturcara yang ketat semasa lawatannya selama separuh hari di Sandakan.

Perdana Menteri dijadual menghadiri Majlis Sambutan Hari Raya dan Tahun Baru Cina anjuran BN Sabah di Dewan Serbaguna Sekolah Menengah Yu Yuan di sini dan selepas itu beliau akan ke kawasan perindustrian Seguntor bagi merasmikan Stesen Janaelektrik Libaran.

Dr Mahathir akan berlepas ke Kota Kinabalu pada pukul 2.30 petang bagi meneruskan aturcara lawatannya selama tiga hari di Sabah.

Semasa berada di KOTA KINABALU, Perdana Menteri dijangka melancarkan Majlis Hal Ehwal Anak Negeri Sabah di Pusat Kebudayaan Sabah, Penampang.

Pada sebelah malam, Dr Mahathir akan menghadiri majlis kongsi raya yang akan diadakan di Kompleks Sukan Likas.

-- BERNAMA

HAK PR